A

Kumarasamy a/l Naciappan lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN JENAYAH NO 42S-55 TAHUN 2012
SAMSUDIN HASSAN PK
22 FEBRUARI 2013

C *Prosedur Jenayah — Kanun Tatacara Jenayah — s 257 — Perayu diwakili peguambela — Sama ada peruntukan s 257 terpakai di dalam kes — Sama ada hakim bicara telah menjelaskan kepada perayu cara memberi keterangan — Sama ada hakim bicara telah melakukan yang sepatutnya demi keadilan perayu — Kanun Tatacara Jenayah s 257*

D

Prosedur Jenayah — Pertuduhan — Kecacatan atau 'misjoinder' — Sama ada pertuduhan pindaan mengandungi elemen-elemen pertuduhan — Sama ada dakwaan kecacatan pertuduhan pindaan tidak berasas dan tidak bermerit E *— Akta Syarikat 1965 s 132(1)*

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap hukuman dan sabitan — Sabitan atas kesalahan mengeluarkan wang syarikat bukan untuk kepentingan syarikat — Tanpa izin dan ratifikasi oleh mesyuarat agong syarikat F *— Elemen-elemen membuktikan kes prima facie — Sama ada keterangan boleh dipercayai membuktikan semua elemen kesalahan — Sama ada pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie — Sama ada hakim bicara terkhilaf apabila gagal mengambil kira keterangan pembelaan yang menyebelahi perayu — Sama* G *ada hakim bicara terkhilaf dan mengakibatkan ketidakadilan apabila membenarkan saksi pendakwaan dipanggil semula untuk soal balas berlanjutan — Sama ada pembelaan berjaya membangkitkan keraguan munasabah — Sama ada hakim bicara memperincikan alasan-alasan yang munasabah dalam keputusannya — Akta Syarikat 1965 s 132(1)*

H

Syarikat dan Korporat — Pengarah syarikat — Tanggungjawab fidusiari — Pengeluaran wang syarikat — Bukan untuk kepentingan syarikat — Sama ada tanpa izin dan ratifikasi oleh mesyuarat agong syarikat — Sama ada terbukti I *— Akta Syarikat 1965 s 132(1)*

Perayu merupakan pengarah Syarikat Innoseal (M) Sdn Bhd. Beliau telah dituduh di bawah s 132(1) Akta Syarikat 1965('Akta') atas kesalahaan mengeluarkan duit syarikat berjumlah RM100,000 dari akaun semasa syarikat yang mana ianya bukan untuk kepentingan syarikat. Oleh itu perayu

dikatakan telah menjalankan tanggungjawabnya tanpa tujuan yang benar atau munasabah dan juga tanpa baik atau suci hati bagi syarikat tersebut. Hakim mahkamah sesyen telah mensabitkan perayu dengan kesalahan dan mengenakan hukuman denda RM25,000 dan jika gagal membayarakan berdepan satu tahun penjara. Perayu telah mengemukakan rayuan ini untuk mengenepikan perintah sabitan dan hukuman tersebut. Alasan-alasan menyokong rayuan tersebut antara lain adalah seperti berikut: (a) pertuduhan pindaan di dalam kes ini adalah cacat atau 'misjoinder' kerana ianya tidak mengandungi elemen-elemen yang sepatutnya di bawah s 132(1) Akta; (b) pihak pendakwaan gagal membuktikan kes 'prima-facie' berkait pertuduhan pindaan tersebut; (c) hakim bicara telah gagal mematuhi kehendak-kehendak mandatori s 257 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'); (d) hakim bicara telah gagal untuk menimbang dengan teliti akan keberatan keterangan-keterangan yang diberi oleh saksi-saksi pendakwaan; (e) hakim bicara telah tersalah arah dan mengakibatkan ketidakadilan apabila beliau membenarkan seorang saksi pendakwaan (SP8) dipanggil balik oleh pembelaan untuk soal balas berlanjutan dan melayan saksi itu sebagai saksi pembelaan (SD3) serta gagal memberi keberatan dan kepercayaan (credence) kepada keterangan yang diberinya; (f) hakim bicara langsung tidak memberi keberatan (weight), kepecayaan (credence) dan kebolehpercayaan (credibility) kepada keterangan-keterangan pembelaan yang menyebelahi perayu; dan (g) hakim bicara tidak pernah memberi alasan-alasan yang munasabah dalam keputusannya dan ini dikatakan 'non-speaking judgment'.

Diputuskan, menolak rayuan perayu terhadap perintah sabitan dan hukumannya:

(1) Pertuduhan pindaan tidak ada khilafnya dan menzahirkan kesalahan yang jelas ada kaitan langsung dengan s 132(1) Akta. Berdasarkan inilah ia meletakkan hakim bicara di atas landasan yang betul dalam undang-undang dan fakta apabila memutuskan pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes 'prima facie' terhadap perayu. Oleh itu dakwaan perayu bahawa hakim bicara telah gagal untuk meneliti kecacatan dalam pertuduhan adalah tidak berasas dan tidak bermerit sama sekali (lihat perenggan 23 & 27).

(2) Perayu dalam kes ini telah gagal melaksanakan tanggungjawab fidusiari beliau sebagai seorang Pengarah Syarikat Innoseal (M) Sdn Bhd apabila beliau telah menggunakan RM100,0000 daripada akaun semasa syarikat tanpa bersandarkan apa-apa dokumen sokongan atau izin dan ratifikasi oleh mesyuarat agong syarikat untuk berbuat sedemikian. Mahkamah ini akur dengan pendirian hakim bicara bahawa memang jelas terdapat keterangan kredible membuktikan semua elemen kesalahan di bawah s 132(1) Akta bagi membentuk satu kes prima facie terhadap perayu (lihat perenggan 46–47).

(3) Seksyen 257 KYJ adalah tidak terpakai di dalam kes ini memandangkan perayu telah diwakili peguambela beliau sebelum responden menutup kes pendakwaan. Tambahan pula rekod rayuan jelas menunjukkan bahawa diperingkat kes pembelaan hakim bicara telah menjelaskan kepada perayu cara beliau boleh memberi keterangan. Ini jelas membuktikan hakim bicara telah melakukan yang sepatutnya demi keadilan perayu. Jadi dakwaan perayu dalam kes ini adalah meleset (lihat perenggan 49 & 53).

(4) Alasan penghakiman hakim bicara dalam rekod rayuan jelas menunjukkan beliau telah menimbang dan meneliti kesemua keterangan yang dikemukakan oleh perayu dan responden sebelum mensabitkan perayu dengan kesalahan. Oleh itu dakwaan perayu bahwa hakim bicara gagal untuk menimbang dan meneliti keberatan keterangan saksi pendakwaan yang menyebelahi perayu adalah dakwaan yang tidak disokong oleh apa-apa keterangan (lihat perenggan 55–56).

(5) Sungguhpun hakim bicara tersilap dari segi prosedur apabila melayan saksi pendakwaan (SP8) juga sebagai saksi pembelaan (SD3) namun begitu adalah didapati hakim bicara telah memberi pertimbangan yang betul dan sewajarnya kepada keterangan yang diberikan oleh SP8. Oleh yang demikian dakwaan perayu berhubung isu ini adalah tidak berasas dan bermerit sama sekali (lihat perenggan 58).

(6) Setelah mengkaji semula semua atau keseluruhan keterangan kes adalah didapati bahawa hakim bicara memang betul apabila memutuskan bahawa responden telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah sepertimana yang diperuntukkan di bawah s 173(m)(i) KTJ. Pembelaan perayu adalah penafian kosong (bare denial) dan 'after thought' semata-mata dan dalam keadaan sedemikian maka wajarlah dirumuskan bahawa perayu gagal untuk menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pihak responden (lihat perenggan 64 & 72)

(7) Di dalam alasan penghakimannya hakim bicara telah menggunakan ujian di dalam kes *Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 263 apabila merungkaikan rumusannya bahawa sekadar meletakkan pembelaan penafian semata-mata dan 'afterthought' tidak akan boleh menimbulkan keraguan munasabah ke atas kebenaran kes prima facie pihak responden (lihat perenggan 76).

(8) Alasan penghakiman hakim bicara di dalam rekod rayuan memang jelas beliau telah memperincikan alasan beliau diperingkat pendakwaan dan begitu juga diakhir kes keseluruhannya. Dalam keadaan demikian alasan penghakiman tersebut adalah merupakan satu 'speaking judgment' (lihat perenggan 80).

[English summary

The appellant was the director of a company known as Innoseal (M) Sdn Bhd. He was charged under s 132(1) of the Companies Act 1965 ('the Act') for the offence of withdrawing company's monies in the amount of RM100,000 from the company's current account which was not meant for the company's interest. Therefore the appellant was alleged to have carried out his duty without a real or reasonable purpose and without bona fide or good faith for the said company. The sessions court judge convicted the appellant for the offence and sentenced him to a fine of RM25,000, failing which, one year imprisonment. The appellant brought forth this appeal and set aside the conviction and sentence. The grounds to support the appeal were, inter alia: the amended charge was defective or a misjoinder in that it did not contain elements which should be under s 132(1) of the Act; the prosecution failed to establish a prima facie case for the amended charge; the trial judge failed to comply with the mandatory s 257 of the Criminal Procedure Code ('CPC'); the trial judge failed to consider with scrutiny the weight of the evidence given by the prosecution's witnesses; the trial judge had misdirected himself and caused injustice when he allowed a prosecution's witness ('SP8') to be called again by the defence for further examination and for treating the witness as a defence witness ('SD3') and also failed to give weight and credence to the evidence given to His Lordship; the trial judge did not give weight, credence and credibility to the defence evidence which sided the appellant; and the trial judge did not give any reasonable reasons in His Lordship's decision and this was said to be a non-speaking judgment.

Held, dismissing the appellant's appeal against order of the conviction and sentence:

(1) There was no error in the amended charge and in expressing an offence that had direct effect to s 132(1) of the Act. Based on this, the trial judge is placed on the right track in law and in fact when His Lordship held that the prosecution had proved a prima facie case against the appellant. Therefore, the appellant's claim that the trial judge had failed to scrutinise that the defect in the charge was baseless and without merit (see paras 23 & 27).

(2) The appellant in this case failed to carry out his fiduciary duty as the director of Innoseal (M) Sdn Bhd when he utilised RM100,000 from the company's current saving without relying on any supporting documents or leave and ratification by the company's general meeting to do so. This court obliged the trial court's stand that there was clear credible evidence to prove the elements of offence under s 132(1) of the Act to for a prima facie case against the appellant (see paras 46–47).

(3) Section 257 of the CPC was not applicable to this case since the appellant was represented by his counsel before the respondent closed the

prosecution's case. Furthermore, the appeal record clearly showed that at the defence stage, the trial judge had explained to the appellant how he could give evidence. This clearly showed that the trial judge had done the necessary for the appellant's justice. Hence, the appellant's allegation in this case fumbled (see paras 49 & 53).

(4) The judgment of the trial judge in the appeal record clearly showed that His Lordship had considered and scrutinised all the evidence adduced by the appellant and the respondent before convicting the appellant for the offence. Therefore, the appellant's allegation that the trial judge failed to consider and scrutinise the weight of the evidence of the prosecution's witness which sided the appellant was an allegation that was not supported by any evidence (see paras 55–56).

(5) Even though the trial judge erred procedurally in treating the prosecution's witness ('SP8') as the defence witness (SD3), it was found, however, that the trial judge had given due and apt consideration of the evidence given by SP8. The appellant's allegation relating this issue was baseless and without merit (see para 58).

(6) After reviewing the evidence of the case wholly, it was found that the trial judge was correct in deciding that the respondent had proved it case beyond reasonable doubt as provided under s 173(m)(i) of the CPC. The appellant's defence was a bare denial and an afterthought and in such circumstances, accordingly, it was concluded that the appellant failed to raise a reasonable doubt on the respondent's case (see paras 64 & 72).

(7) In the trial judge's judgment, His Lordship had applied the test in *Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 263 in arriving at the decision that bare denial and afterthought would not cause reasonable doubt on the truth of prima facie case of the respondent (see para 76).

(8) The judgment of the trial judge in the appeal record clearly showed that he had itemised his grounds at prosecution stage and at the end of the whole case. In doing so, the grounds of judgment was a 'speaking judgment' (see para 80).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kecacatan atau misjoinder, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 1586–1594.

Untuk kes-kes mengenai tanggungjawab fidusiari, lihat 3(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 269–310.

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap hukuman dan sabitan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 288–371.

Kes-kes yang dirujuk

Azizan bin Yahaya v PP [2013] 1 MLJ 180, MR (dirujuk)
Balasingham v PP [1959] 1 MLJ 193, MT (dirujuk)
Belmont Finance Corporation v Williams Furniture Ltd and Others (No22) [1980] I All ER 393, MR (dirujuk)
Brijendra Singh v State of U-P and Others AIR 1981 SC 636, MA (dirujuk)
Chaman Lal v The States of Punjab AIR 1970 SC 1372, MA (dirujuk)
Chou Kooi Pang & Anor v PP [1998] 3 SLR 593, MR (dirujuk)
Howard Smith Ltd v Ampol Petroleum Ltd [1974] AC 821, PC (dirujuk)
Land Credit Company of Ireland v Lord Fermoy [1869] LR Vol VIII, MR (dirujuk)
Lee Kong Meng v Pendakwa Raya [2012] 2 MLJ 51, MR (dirujuk)
Liew Kaling & Ors v PP [1960] MLJ 306, MT (dirujuk)
Mat v PP [1963] 1 MLJ 263, MT (dirujuk)
Miller v Minister of Pension [1947] 2 All ER 373, KBD (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP 1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ (Rep) 311, MA (dirujuk)
PP v Ku Lip See [1981] 1 MLJ 258, MT (dirujuk)
Wong Swee Chin v PP [1981] 1 MLJ 212, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Syarikat 1965 ss 2(a), 16(4), 132(1), (3)(b), Borang 9, 49
Kanun Tatacara Jenayah ss 173(f), (h), 257

RK Menon (RK Menon & Co) bagi pihak perayu.
Nur Izzani bt Ishak (Steve Chin bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak responden.

Samsudin Hassan PK:

PENDAHULUAN

[1] Pada 20 Oktober 2011 perayu telah dituduh di bawah s 132(1) Akta Syarikat 1965 ('Akta 125') yang boleh dihukum di bawah s 132(3)(b) Akta yang sama.

[2] Di akhir kes pendakwaan tuan hakim Mahkamah Sesyen, Johor Bahru, Johor, telah memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes 'prima facie' dan memerintahkan perayu membela diri terhadap pertuduhan.

[3] Perayu telah membela diri dan memberi keterangan bersumpah serta mengemukakan tiga orang saksi kesemuanya.

[4] Pada 15 Jun 2012 tuan hakim Mahkamah Sesyen, Johor Bahru, Johor, telah mensabitkan perayu dengan kesalahan dan mengenakan hukuman denda RM25,000 dan jika gagal membayarnya menghadapi satu tahun penjara.

[5] Perayu merayu terhadap sabitan dan hukuman bagi pertuduhan tersebut.

PERTUDUHAN

[6] Pertuduhan pindaan (eksh P3) yang dikemukakan terhadap perayu adalah seperti berikut:

> Pertuduhan Pindaan
>
> Bahawa kamu pada 28.07.2008, sebagai Pengarah Syarikat Innoseal (M) Sdn Bhd (283292-T) yang mempunyai alamat berdaftar di Suite 1705A Level 17, Menara Landmark, No. 12, Jalan Ngee Heng, 80000 Johor Bahru, Johor, telah didapati bertindak dengan tidak munasabah ('not for proper purpose') dan tidak suci hati dalam melepaskan tanggungjawab kamu sebagai seorang Pengarah Syarikat seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 132 (1) Akta Syarikat 1965, di mana kamu telah mengeluarkan duit syarikat berjumlah RM 100,000.00 dari akaun semasa syarikat iaitu HSBC Malaysia Bhd (nombor akaun 211-115563-101) melalui satu cek HSBC Malaysia Bhd yang bernombor : 249751 yang ianya adalah bukan untuk kepentingan syarikat. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 132(1) Akta Syarikat 1965 (Akta 125) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 132 (3)(b) Akta yang sama.

FAKTA RINGKAS KES

Fakta ringkas kes adalah seperti berikut:

[7] Perayu merupakan pengarah Syarikat Innoseal (M) Sdn Bhd (283292-T) berdasarkan eksh P9, P25, P27, P28 dan P29 pada masa yang material.

[8] Syarikat Innoseal (M) Sdn Bhd (283292-T) di perbadankan sebagai sebuah syarikat persendirian di bawah s 16(4) Akta Syarikat 1965 pada 3 Disember 1993 berdasarkan eksh P4.

[9] Syarikat Innoseal (M) Sdn Bhd (283292-T) ini juga mempunyai alamat berdaftar di Suite 1705A, Level 17, Menara Landmark, No 12, Jalan Ngee Heng, 80000 Johor Bahru, Johor berdasarkan eksh P6.

[10] Pegawai Bank HSBC, Tan Soay Tiang ('SP7') mengesahkan bahawa perayu telah hadir di HSBC Bank pada 28 Julai 2008 untuk mengeluarkan RM100,000 daripada akaun semasa syarikat No 211–115563–601 (ekshs P64, P65 dan P66). A

[11] SP7 juga mengesahkan bahawa cek HSBC Malaysia Bhd bernombor siri 249751 kepunyaan Sykt Innoseal (M) Sdn Bhd (283292-T) seperti mana di eksh P67 telah ditandatangani oleh perayu dan wang tunai berjumlah RM100,000 diserahkan kepada perayu pada 28 Julai 2008. B

[12] Perayu merupakan penandatangan tunggal bagi akaun semasa HSBC Malaysia Bhd bernombor 211–115563–101 berdasarkan eksh P57 dan P65. C

[13] Pegawai penyiasat kes Suruhanjaya Syarikat Malaysia ('SSM') Suzalina bt Musiran ('SP9') menzahirkan bahawa pengeluaran RM100,000 pada 28 Julai 2008 tersebut tidak disokong oleh apa-apa dokumen seperti invoice dan voucher bayaran untuk menunjukkan tujuan pengeluaran wang tersebut. D

[14] Junaidah bt Johan ('SP8') seorang eksekutif akaun di firma AG Secretarial (JB) Sdn Bhd menjelaskan akaun suspend ('suspend account') akan berlaku bila perbelanjaan wang daripada akaun semasa tidak diketahui tujuan sebenarnya kerana tidak di sokong oleh apa-apa dokumen seperti 'invoice' dan 'voucher' bayaran. E

[15] Mengikut keterangan SP8 pengeluaran RM100,000 daripada akaun semasa HSBC Malaysia Bhd bernombor 211-115563-101 telahpun diklasifikasikan sebagai akaun suspend ('suspend account') di dalam *ledger* am Sykt Innoseal (M) Sdn Bhd seperti mana di eksh P68. F

[16] SP8 menegaskan terdapat pembayaran balik RM100,000 secara berperingkat kepada Sykt Innoseal (M) Sdn Bhd tetapi beliau tidak dapat mengemukakan apa-apa dokumen untuk menyokong kenyataan bahawa RM100,000 tersebut telahpun dibuat pembayaran balik secara berperingkat oleh perayu dan lagipun ianya juga tidak direkodkan di dalam *ledger* am Sykt Innoseal (M) Sdn Bhd. G H

[17] Perayu sebagai pengarah atau pegawai Sykt Innoseal (M) Sdn Bhd (283292-T) juga gagal mengemukakan izin atau apa-apa ratifikasi oleh mesyuarat agong untuk menggunakan wang RM100,000 tersebut bagi kepentingan syarikat semata-mata. I

[18] Atas dasar semua perkara-perkara yang tersebut di atas itulah maka perayu sebagai Pengarah Syarikat Innoseal (M) Sdn Bhd dikatakan telah

menjalankan tanggungjawabnya tanpa tujuan yang benar atau munasabah ('not for proper purpose') dan juga tanpa baik atau suci hati ('not in good faith') bagi syarikat tersebut.

ALASAN RAYUAN

[19] Peguambela yang bijaksana mewakili perayu telah mengemukakan pelbagai alasan menyokong hujahan bahawa perintah sabitan dan hukuman patut diketepikan dan di antaranya (dinyatakan dalam Bahasa Inggeris) adalah seperti di bawah berikut:

(i) The learned Sessions Court Judge erred in law and in fact in that he failed to see that the 'Pertuduhan Pindaan' which the Prosecution had presented against the appellant was defective charge. It was a misjoinder of a charge. It did not contain the ingredients of Section 132(1) of the Companies Act which reads as follows:

A director shall at all times act honestly and use reasonable diligence in the discharge of the duties of his office,

(ii) The learned Sessions Court Judge erred in law and in fact in that he failed to see defects in the charge namely the usage of the words 'telah didapati bertindak dengan tidak munasabah ('not for proper purpose') dan tidak suci hati ('not in good faith') dalam melepaskan tanggungjawab kamu sebagai seorang Pengarah Syarikat seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 132(1) Akta Syarikat 1965'. Such words are alien to the said Section.

(iii) The learned Session Court Judge erred in Law and in fact in that he failed to see that the charge framed by the Prosecution was in fact in respect of an offence not known to the law i.e. Section 132(1) of the Companies Act. The said charge was in fact completely alien to the said relevant section.

(iv) The learned Sessions Court Judge erred in law and in fact when he ruled, at the close of the case for the prosecution, that the prosecution had proven a 'prima facie' case against the appellant. In fact, no prima facie case had been established by the Prosecution.

(v) The learned Sessions Court Judge erred in law and in fact when he held that the prosecution had proven that the appellant as a director of the company, 'telah bertindak dengan tidak munasabah dan suci hati apabila beliau mengeluarkan wang sebanyak RM 100,000.00 di mana ianya bukan untuk kepentingan syarikat.' In doing so, the learned Session Court Judge has misdirected himself in law and in fact in that he had deviated from the true ingredients of the offence created and disclosed under section 132(1) of the Companies Act 1965.

(vi) The learned Sessions Court Judge erred in law and in fact in that he did not subject the Prosecution's case to maximum evaluation as required by law. Had he done so, he would have realised that:

(a) The charge was defective and was one unknown to the law, and that

(b) The prosecution had failed to prove the ingredients of an offence under Section 132(1) of the Companies Act ie that the Appellant had not acted honestly and had not used reasonable diligence in the discharge of the duties of his offence (as a director). His failure to do so was a serious misdirection which had resulted in a miscarriage of justice,

(vii) The learned Session Court Judge erred in law and in fact when he held that the Prosecution had proven that the Appellant had taken out the sum of RM100,000.00 not in the interest of the company. In fact, no such evidence had been adduced by the Prosecution. On the other hand, the evidence placed before the Court indicated that the Appellant had all along acted in the best interest of the company although such conduct was not part and parcel of the charge framed against him.

(viii) The learned Session Court Judge erred in law and in fact in that he failed to direct his mind to ascertain as to how the said sum of RM100,000.00 had been used by the Appellant. Had he done so, he would have realized and concluded that every cent of the said RM100,000.00 had been used for the benefit of the company. Such failure was a serious misdirection which had resulted in a miscarriage of justice.

(ix) The learned Sessions Court Judge erred in law and in fact in that since the Appellant was an undefended accused, he did not comply with the mandatory requirements of Section 257 of the Criminal Procedure Code. Such a failure on his part was a serious misdirection which had resulted in a miscarriage of justice. The Appellant was thus denied the right to focus his defence properly.

(x) The learned Sessions Court Judge erred in law and in fact in that knowing that the Appellant was undefended he did nothing whatsoever to assist the Appellant in the production, presentation and identification of documents produced by the Appellant in Court and shown to Prosecution's witnesses. As an impartial judicial officer he ought to have assisted the Appellant in marking those documents as 'D' or 'ID' documents. His failure to do so had gravely prejudiced the undefended Appellant in the presentation of the case for the defence.

(xi) The learned Sessions Court Judge erred in law and in fact in that he failed to take into consideration facts disclosed by the Prosecution's witness telling in favour of the Appellant and only took into consideration facts purportedly telling against the Appellant.

(xii) The learned Sessions Court Judge erred in law and in fact in that he failed to carefully weight the evidence of the Prosecution's witness. Had he done so, he would have seen that such evidence in fact favoured the Appellant and not the Prosecution.

(xiii) The learned Sessions Court Judge erred in law and in fact in that when he allowed a Prosecution witness to be recalled by the defence for further

questioning, he treated that witness as a Defence Witness. Having done that, he failed to give due weight and credence to the evidence adduces by such witness. His action amounted to a serious misdirection which had resulted in a miscarriage of justice. The status of that witness was the same through out the trial i.e that of a prosecution witness (PW).

(xiv) The learned Sessions Court Judge erred in law and infact in that he paid no heed whatsoever to the documents produces by the Appellant in the presentation of his defence. Had he done so, he would have realized that all those documents went to prove that the disputes sum of money had in fact been used by the Appellant for the benefit of the company. He would also have realized that the Appellant had all along acted honestly and had used reasonable diligence in the discharge of the duties of his office, i.e. as required by Section 132(1) of the Companies Act.

(xv) The learned Sessions Court Judge erred in law and in fact in that he failed to draw, from the totality of the evidence presented before him, inferences and conclusion in favour of the Appellant. Instead, he chose to draw inferences and conclusions in favour of the Prosecution. That was a serious misdirection which had resulted in miscarriage of justice.

(xvi) The learned Sessions Court Judge erred in law and in fact when he did not give due credence and credibility to the defence witness. That was a serious misdirection which had resulted in a miscarriage of justice.

(xvii) The learned Sessions Court Judge erred in law and in fact when he went on to say as follows :

Kesemua keterangan-keterangan ini dengan jelas menunjukkan OKT tidak bona fide I tidak suci hati semasa melakukan pengeluaran wang tersebut,

He failed to see that what he found to be of interest was not part and parcel of the ingredients of an offence under Section 132(1) of the Companies Act. He had therefore seriously misdirected himself and this has resulted in a serious miscarriage of justice. He had failed to focus on the ingredients of the offence under Section 132(1) of the Companies Act.

(xviii) The learned Sessions Courts Judge erred in law and in fact when he held that the defence of the Appellant was a 'bare denial'. He had stated as follows :

Mahkamah berpendapat pembelaan OKT adalah penafian semata-mata dan tidak di sokong oleh mana-mana saksi. SP8 sendiri menafikan beliau ada memberi nasihat kepada OKT untuk mengeluarkan wang RM100,000.00 milik syarikat IMSB,

He had failed to carefully scrutinize the evidence adduces by the Appellant. Had he done so, he would have seen that the defence was not a bare denial. The accussed had shown that he had all along acted honestly and used reasonable diligence in the discharge of the duties of his office. He had also wrongly failed to direct his mind to the contents of the

relevant documents produced by the defence. He had also wrongly held that the Appellant needed to be corroborated. This was s serious misdirection and had resulted on a miscarriage of justice. In that frame of mind, he was obviously unable to truly appreciate the defence.

(xix) The learned Sessions Court Judge erred in law and in fact that he places on the Appellant to high a burden of proof. He had failed to follow the test suggested by the court in *Mat v PP* which test is in fact still valid. Even the apex courts of Malaysia are following that very same test. Had he done so, he would have realized that the Appellant had adduced sufficient evidence to warrant an acquittal.

(xx) The learned Sessions Court Judge erred in law and in fact in that the judgement delivered by him, is not a 'speaking judgement'. He has not given proper reasons for his purported conclusions. He had not bothered to identify upon carefully perusing the evidence of the various witness his reasons for his purported findings. He has therefore seriously misdirected himself and this has subsequently resulted in a miscarriage of justice.

ANALISA KE ATAS ALASAN-ALASAN DI ATAS

[20] Alasan-alasan petisyen rayuan di atas akan dibincangkan seperti berikut:

(a) Bagi alasan-alasan petisyen rayuan seperti mana di item (i) hingga (vi) di atas dirangkumkan sekali sebagai isu yang ada kaitan antara satu sama lain.

[21] Di sini secara ringkasnya perayu berhujah bahawa pertuduhan pindaan di dalam kes ini adalah cacat ('defective') atau 'misjoinder' kerana ianya tidak mengandungi elemen-elemen ('ingredients') yang sepatutnya di bawah s 132(1) Akta Syarikat 1965.

[22] Perayu menegaskan pertuduhan pindaan itu sepatutnya mengandungi elemen-elemen 'to act honestly and use reasonable diligence' dan bukannya 'to exercise his powers for a proper purpose and in good faith'.

[23] Seterusnya perayu menyatakan disebabkan kecacatan pertuduhan pindaan tersebut telah menzahirkan kesalahan yang tidak ada kaitan langsung dengan s 132(1) Akta Syarikat 1965 dan ini membuatkan tuan hakim mahkamah sesyen tersalah arah dirinya dalam undang-undang dan fakta apabila memutuskan pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes 'prima facie' terhadap perayu.

[24] Dalam hal ini mahkamah terlebih dahulu ingin merujuk kepada kertas pertuduhan kes seperti mana eksh P3 yang jelas mencatitkan kesalahan di bawah s 132(1) Akta Syarikat 1965 ini dilakukan pada 28 Julai 2008. Kita

semua sedia maklum peruntukkan s 132(1) Akta Syarikat 1965 telah dipinda melalui Pindaan Undang-Undang rujukan AA1299 yang mula berkuat kuasa pada 15 Ogos 2007 melalui pemberitahuan dalam Warta rujukan PU (B) 297 Tahun 2007. Seksyen 132 Akta ibu itu dipinda dengan menggantikan sub-s (1) dengan subseksyen yang berikut:

> (1) A director of a company shall at all times exercise his powers *for a proper purpose and in good faith* in the best interest of the company. (Emphasis added.)

[25] Jadi memandangkan kesalahan yang dilakukan oleh perayu adalah selepas tarikh pindaan s 132(1) Akta Syarikat 1965 berkuat kuasa maka elemen-elemen 'to exercise his powers for a proper purpose and in good faith' adalah terpakai seperti mana yang tercatit di dalam pertuduhan pindaan (P3) tersebut.

[26] Dalam keadaan sedemikian mana mungkin perayu mengatakan pertuduhan pindaan (eksh P3) itu cacat ('defective') atau 'misjoinder' kerana tidak mengandungi elemen-elemen 'to act honestly and use reasonable diligence' yang hanya terpakai dalam peruntukkan s 132(1) Akta Syarikat 1965 sebelum ianya dipinda.

[27] Mahkamah amati pertuduhan pindaan (eksh P3) tidak ada khilafnya dan menzahirkan kesalahan yang jelas ada kaitan langsung dengan s 132(1) Akta Syarikat 1965. Berdasarkan inilah ia meletakkan tuan hakim mahakmah sesyen di atas landasan yang betul dalam undang-undang dan fakta apabila memutuskan pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes 'prima facie' terhadap perayu. Oleh itu dakwaan perayu bahawa tuan hakim mahkamah sesyen telah gagal untuk meneliti kecacatan dalam pertuduhan adalah tidak berasas dan tidak bermerit sama sekali.

(b) Bagi alasan-alasan petisyen rayuan seperti mana di item (iv) hingga (viii) di atas juga dirangkumkan sekali sebagai isu yang ada kaitan antara satu sama lain

[28] Di sini pula semua alasan-alasan petisyen rayuan oleh perayu di item (iv) hingga (viii) tersebut dikumpulkan sekali sebagai isu 'prima-facie' di akhir kes pendakwaan untuk dianalisa semula secara terperinci.

[29] Mahkamah dalam membicarakan kes jenayah di peringkat akhir kes pendakwaan hendaklah memutuskan sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes 'prima facie' berkait pertuduhan pindaan (eksh P3) di bawah s 132(1) Akta Syarikat 1965 sebelum perayu boleh diperintahkan untuk membela diri sejajar dengan peruntukkan undang-undang di bawah s 173(f) dan (h) Kanun Tatacara Jenayah.

[30] Antara elemen-elemen ('ingredients') kesalahan di bawah s 132(1) Akta Syarikat 1965 yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan (responden) adalah seperti di bawah berikut:

(a) Innoseal (M) Sdn Bhd (283292-T) adalah sebuah syarikat sendirian;

(b) perayu merupakan pengarah Syarikat Innoseal (M) Sdn Bhd (283293-T) pada masa yang material; dan

(c) perayu telah bertindak dengan tujuan yang tidak munasabah ('not for proper purpose') dan tidak suci hati ('not in good faith') dalam melakukan tanggungjawab beliau sebagai pengarah Sykt Innoseal (M) Sdn Bhd (2832992-T) apabila beliau mengeluarkan duit sebanyak RM100,000 daripada akaun semasa syarikat.

Elemen pertama pertuduhan

(Innoseal (M) Sdn Bhd (283292-T) adalah sebuah syarikat sendirian).

[31] Puan Noridayu bt Kahar ('SP1') iaitu penolong pendaftar syarikat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia ('SSM') mengesahkan Innoseal (M) Sdn Bhd (283292-T) diperbadankan sebagai sebuah syarikat sendirian berhad menurut syer di bawah s 16(4) Akta Syarikat 1965 pada dan mulai dari 3 Disember 1993 seperti mana Borang 9 (eksh P4).

[32] Fakta ini tidak pernah dicabar dan disangkal oleh perayu sepanjang perbicaraan dijalankan.

Elemen kedua pertuduhan

(Perayu merupakan pengarah Syarikat Innoseal (M) Sdn Bhd (283292-T) pada masa yang material).

[33] Elemen ini dibuktikan melalui dokumen-dokumen berikut:

(a) *Return Giving Particulars in Register of Directors Managers and Secretaries and Changes of Particulars* iaitu Borang 49 (eksh P25);

(b) sama seperti di atas Borang 49 (eksh P27);

(c) sama seperti di atas iaitu Borang 49 (eksh P28); dan

(d) sama seperti di atas iaitu Borang 49 (eksh P29).

[34] Di dalam kes *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212 Mahkamah Persekutuan telah memutuskan seperti berikut:

On this point we need only say there is a general rule that failure to cross-examination on a crucial part of the case will amount to an acceptance of the witness's testimony.

[35] Fakta bahawa perayu merupakan seorang pengarah Syarikat Innoseal (M) Sdn Bhd juga tidak pernah dicabar dan disangkal oleh perayu sepanjang perbicaraan dijalankan.

Elemen ketiga

(Perayu telah bertindak dengan tujuan yang tidak munasabah ('not for proper purpose') dan tidak suci hati ('not in good faith') dalam melakukan tanggungjawab beliau sebagai pengarah Sykt Innoseal (M) Sdn Bhd (283292-T) apabila beliau mengeluarkan duit sebanyak RM100,000 daripada akaun semasa syarikat).

[36] Terlebih dahulu mahkamah ingin merujuk kepada peruntukkan s 132(1) Akta Syarikat 1965 seperti berikut:

(1) A director of a company shall at all times exercise his powers *for a proper purpose* and *in good faith* in the *best interest of the company*. (Emphasis added.)

[37] Berhubung elemen ketiga ini apa yang perlu ditekankan di sini ialah pengarah syarikat dikehendaki menjalankan tanggungjawab mereka dengan munasabah dan suci hatinya semata-mata untuk kepentingan syarikat.

[38] Di dalam kes *Howard Smith Ltd v Ampol Petroleum Ltd* [1974] AC 821 Privy Council telah menyentuh sedikit tentang maksud menjalankan tanggungjawab bertujuan munasabah ('a proper purpose') seperti berikut:

When a dispute arises whether directors of a company made a particular decision for one purpose or for another, or, whether, there being more than one purpose, one or another purpose was the substantial or primary purpose, the court, in their Lordship opinion, is entitled to look at the situation objectively in order to estimate how critical or pressing, or substantial or, per contra, insubstantial an alleged requirement may have been. If it finds that a particular requirement, though real, was not urgent, or critical, at the relevant time, it may have reason to doubt, or discount, the assertions of individuals that they acted solely in order to deal with it, particularly when the action they took was unsual or even extreme.

[39] Di dalam kes *Brijendra Singh v State of U-P and Others* 1981 AIR SC 636 pula *Supreme Court of India* telah menerangkan maksud suci hati ('good faith') seperti berikut:

Although the meaning of good faith may vary in the context of different statues, subjects and situations, honest intent free from taint of fraud or frandulent design, is a constant element of its connotation.

[40] Maksud suci hati juga telah diterangkan di dalam kes *Chaman Lal v The States of Punjab* AIR 1970 SC 1372 oleh *Supreme Court of India* seperti berikut: A

> Good faith requires care and caution and prudence in the background of context and circumstances.

B

[41] Setelah mahkamah ini mengkaji, meneliti dan menghalusi semula keseluruhan keterangan dalam kes ini adalah di dapati pengeluaran wang Sykt Innoseal (M) Sdn Bhd berjumlah RM100,000 dari akaun semasa HSBC Malaysia Bhd (nombor akaun 211-115563-101) melalui satu cek HSBC Malaysia Bhd yang bernombor 249751 (eksh P67) adalah tidak munasabah dan suci hati demi kepentingan syarikat berdasarkan kepada alasan-alasan berikut: C

(a) berdasarkan keterangan Customer Services Manager, HSBC Johor Bahru iaitu Tan Soay Tiang ('SP7') jelas mengesahkan bahawa perayu telah hadir di HSBC Johor Bahru pada 28 Julai 2008 untuk mengeluarkan wang berjumlah RM100,000 daripada akaun semasa syarikat melalui satu cek HSBC Malaysia Bhd bernombor siri 249751 (eksh P67); D

(b) SP7 juga mengesahkan bahawa cek HSBC Malaysia Bhd bernombor siri 249751 (eksh P67) telah ditandatangani oleh perayu dan bayaran tunai RM100,000 kemudiannya juga diserahkan kepada perayu pada 28 Julai 2008. Penyata HSBC Malaysia Bhd nombor akaun 211-115563-101 (eksh P66) menyokong keterangan SP7 ini; E

F

(c) perayu merupakan penandatangan tunggal bagi akaun semasa HSBC Malaysia Bhd bernombor 211-115563-101 berdasarkan Sykt Innoseal (M) Sdn Bhd Directors Circular Resolution (eksh P57) dan *Signatory Specimen Signature* (eksh P65);

G

(d) pengeluaran RM100,000 oleh perayu pada 28 Julai 2008 melalui satu cek HSBC Malaysia Bhd bernombor siri 249751 (eksh P67) tidak disokong oleh apa-apa dokumen seperti inbois dan voucher bayaran untuk menunjukkan tujuan pengeluaran wang tersebut daripada akaun semasa syarikat;

H

(e) oleh kerana pengeluaran wang syarikat berjumlah RM100,000 ini oleh perayu tanpa disokong oleh apa-apa dokumen pun maka pihak HSBC Malaysia Bhd telah mengklasifikasikannya sebagai 'Suspence Account' di dalam ledger am Sykt Innoseal (M) Sdn Bhd seperti mana tertera dalam eksh P68;

I

(f) eksekutif akaun dengan firma AG Secretarial (JB) Sdn Bhd iaitu Puan Junaidah bt Johan ('SP8') mengesahkan dan juga menyokong bahawa transaksi pengeluaran wang RM100,000 daripada akaun semasa

syarikat melalui satu cek HSBC Malaysia Bhd bernombor siri 249751 (eksh P67) tersebut tidak disokong oleh apa-apa dokumen dalam masa yang material;

(g) walaupun SP8 menyatakan terdapat pembayaran balik wang berjumlah RM100,000 tersebut kepada Sykt Innoseal (M) Sdn Bhd secara berperingkat namun begitu beliau langsung tidak dapat menunjukkan apa-apa dokumen (samada payment baucer, deposit slip atau bank-in-slip) kepada mahkamah ini untuk menyokong kenyataannya itu dan lagipun mahkamah amati pembayaran balik wang RM100,000 tersebut juga tidak direkodkan di dalam ledger am syarikat; dan

(h) pegawai penyiasat Suruhanjaya Syarikat Malaysia ('SSM') iaitu Suzalina bt Musiran ('SP9') mengesahkan bahawa pengeluaran wang berjumlah RM100,000 tersebut tidak bertujuan untuk kepentingan syarikat dan juga tiada sebarang dokumen sokongan daripada syarikat untuk menyokong transaksi tersebut.

[42] Jadi berdasarkan keterangan keseluruhan di atas jelas menunjukkan bahawa perayu telah gagal untuk menunjukkan tujuan pengeluaran dan penggunaan wang Sykt Innoseal (M) Sdn Bhd berjumlah RM100,000 melalui satu cek HSBC Malaysia Bhd bernombor siri 249751 (eksh P67) pada 28 Julai 2008.

[43] Berkesempatan ini juga mahkamah merujuk kepada satu kes *Land Credit Company of Ireland v Lord Fermoy* [1869] LR Vol VIII (Equity Cases) di ms 11 di mana Lord Romilly MR memutuskan:

> Directors are, so far as regards the employment of the funds of the company, trustees for the shareholders, and are answerable to their cestuis que trust for the due employment of the funds entrusted to them.

[44] Berikutnya di dalam kes *Belmont Finance Corporation v Williams Furniture Ltd and Others (No22)* [1980] 1 All ER 393 di mana Buckley LJ telah memutuskan seperti berikut:

> A limited company is of course not a trustee of its own funds : it is their beneficial owner; but in consequence of the fiduciary character of their duties the directors of a limited company are treated as if they were trustees of those funds of the company which are in their hands or under their control, and if they misapply them they commit a breach of trust (*Re Lands Allotment Co*, per Lindley and Kay LJJ). So, if the directors of a company in breach of their fiduciary duties misapply the funds of their company so that they come into the hands of some stranger to the trust who receives them with knowledge (actual or constructive) of the breach, he cannot conscientiously retain those funds against the company unless he has some better equity. He becomes a constructive trustee for the company of the misapplied funds. This is stated very clearly by Jessel MR in *Russel v Wakefield Waterworks Co*, where he said:

> In this court the money of the company is a trust fund, because it is applicable only to the special purposes of the company in the hands of the agents of the company, and it is in that sense a trust fund applicable by them to those special purposes; and a person taking it from them with notice that it is being applied to other purposes cannot in this court say that he is not a constructive trustee.

[45] Di sini kalau dikaitkan dengan perkara 73 ('Power and Duties of Directors') dalam Articles of Association of Innoseal (M) Sdn Bhd (eksh P5 di ms 175 rekod rayuan) jelas memperuntukkan bahawa segala urusan pengarah syarikat hendaklah sejajar dengan apa yang diperuntukkan dalam Akta (Companies Act 1965) dan peraturan-peraturannya. Rujuk s 2(a) Akta Syarikat 1965 memperuntukkan seperti berikut:

> (2) A director as officer of a company shall not, without the consent or ratification of a general meeting:
>
> (a) use the property of the company.

[46] Mahkamah menyimpulkan bahawa perayu dalam kes ini telah gagal melaksanakan tanggungjawab fidusiari beliau sebagai seorang Pengarah Syarikat Innoseal (M) Sdn Bhd apabila beliau telah menggunakan RM100,0000 daripada akaun semasa di HSBC Malaysia Bhd bernombor siri 249751 (eksh P67) pada 28 Julai 2008 tanpa bersandarkan apa-apa dokumen sokongan atau izin dan ratifikasi oleh mesyuarat agong syarikat untuk berbuat sedemikian.

[47] Oleh itu berdasarkan analisa terperinci di atas maka mahkamah ini akur dengan pendirian hakim mahkamah sesyen bahawa memang jelas terdapat keterangan kredible membuktikan semua elemen kesalahan di bawah s 132(1) Akta Syarikat 1965 bagi membentuk satu kes prima facie terhadap perayu.

(c) Bagi alasan-alasan petisyen rayuan seperti mana di item (ix) hingga (x) di atas dirangkumkan sekali sebagai isu yang ada kaitan antara satu sama lain

[48] Di sini perayu berhujah bahawa tuan hakim mahkamah sesyen telah gagal mematuhi kehendak-kehendak mandatori s 257 Kanun Tatacara Jenayah.

[49] Mahkamah ini amati s 257 Kanun Tatacara Jenayah adalah tidak terpakai di dalam kes ini memandangkan perayu telah diwakili peguambela beliau sebelum responden menutup kes pendakwaan.

[50] Tambahan pula rekod rayuan jelas menunjukkan bahawa diperingkat kes pembelaan tuan hakim mahkamah sesyen telah menjelaskan kepada perayu bahawa beliau boleh memberi keterangan dalam tiga cara iaitu:

(a) berdiam diri;

(b) memberi keterangan bersumpah; dan

(c) memberi keterangan tanpa sumpah.

[51] Ini jelas membuktikan tuan hakim mahkamah sesyen telah melakukan yang sepatutnya demi keadilan perayu.

[52] Berikutnya mahkamah ini merumuskan langsung tidak terdapat sebarang peruntukkan undang-undang di dalam Kanun Tatacara Jenayah untuk tuan hakim mahkamah sesyen membantu perayu dalam proses pengemukaan dan pengecaman dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh perayu kepada saksi-saksi pendakwaan.

[53] Jadi dakwaan perayu dalam kes ini adalah meleset.

(d) Bagi alasan-alasan petisyen rayuan seperti mana (xi) hingga (xii) di atas dirangkumkan sekali sebagai isu yang ada kaitan antara satu sama lain:

[54] Di sini perayu berhujah bahawa tuan hakim mahkamah sesyen telah gagal untuk menimbang dengan teliti akan keberatan keterangan-keterangan yang diberi oleh saksi-saksi pendakwaan.

[55] Merujuk kepada alasan penghakiman tuan hakim mahkamah sesyen di ms 40–43 dalam rekod rayuan jelas menunjukkan beliau telah menimbang dan meneliti kesemua keterangan yang dikemukakan oleh perayu dan responden sebelum mensabitkan perayu dengan kesalahan.

[56] Jadi mahkamah ini merumuskan bahawa dakwaan perayu yang tuan hakim mahkamah sesyen gagal untuk menimbang dan meneliti keberatan keterangan saksi pendakwaan yang menyebelahi perayu adalah dakwaan yang tidak disokong oleh apa-apa keterangan.

(e) Bagi alasan petisyen rayuan seperti mana di item (xiii) sahaja:

[57] Perayu berhujah bahawa tuan hakim mahkamah sesyen telah tersalah arah dan mengakibatkan ketidakadilan apabila beliau membenarkan seorang saksi pendakwaan ('SP8') dipanggil balik oleh pembelaan untuk soalbalas berlanjutan dan melayan saksi itu sebagai saksi pembelaan ('SD3') serta gagal memberi keberatan dan kepercayaan ('credence') kepada keterangan yang diberinya.

[58] Mahkamah merumuskan sungguhpun tuan hakim mahkamah sesyen tersilap di segi prosedur apabila melayan saksi pendakwaan (SP8) juga sebagai

saksi pembelaan (SD3) namun begitu adalah didapati tuan hakim mahkamah sesyen telah memberi pertimbangan yang betul dan sewajarnya kepada keterangan yang diberikan oleh SP8 berasaskan faktor-faktor berikut:

(a) SP8 menyatakan perayu tidak kemukakan apa-apa dokumen antaranya invois dan baucer bayaran untuk menyokong tujuan pengeluaran RM100,000 tersebut;

(b) SP8 menafikan bahawa beliau telah memberi nasihat kepada perayu dalam mengeluarkan duit syarikat berjumlah RM100,000;

(c) SP8 menyatakan perayu gagal mengemukakan apa-apa dokumen sokongan membuktikan telah menggunakan sebahagian daripada wang berjumlah RM100,000 tersebut (eksh D71–D82) untuk kepentingan syarikat. Jika benar sekalipun dakwaan perayu itu persoalannya kenapa beliau perlu membayar balik sebanyak RM100,000 itu kepada Sykt Innoseal (M) Sdn Bhd sedangkan jumlah perbelanjaan tersebut boleh ditolak sahaja dari amaun RM100,000 kerana ianya untuk perbelanjaan syarikat; dan

(d) SP8 menyatakan terdapat pembayaran balik wang berjumlah RM100,000 kepada Sykt Innoseal (M) Sdn Bhd secara berperingkat namun begitu beliau langsung tidak dapat menunjukkan apa-apa dokumen (sama ada payment baucer, deposit slip atau bank-in-slip) kepada mahkamah ini untuk menyokong kenyataannya itu dan lagipun pembayaran balik wang RM100,000 tersebut juga tidak direkodkan di dalam ledger am syarikat. Oleh yang demikian dakwaan perayu berhubung isu ini adalah tidak berasas dan bermerit sama sekali.

(f) Bagi alasan-alasan petisyen rayuan seperti mana di item (xiv) hingga (xvii) di atas dirangkumkan sekali sebagai isu yang ada kaitan antara satu sama lain.

[59] Perayu berhujah bahawa tuan hakim mahkamah sesyen langsung tidak memberi keberatan ('weight'), kepecayaan ('credence') dan kebolehpercayaan ('credibility') kepada keterangan-keterangan pembelaan yang menyebelahi perayu.

[60] Di sini mahkamah amati tuan hakim mahkamah sesyen telah dengan betul memutuskan bahawa keterangan dokumentar yang dikemukakan oleh perayu merupakan 'afterthought' atas alasan-alasan berikut:

(a) SP8 mengesahkan bahawa surat AG Secretarial Services (JB) Sdn Bhd bertarikh 22 December 2011 (eksh D70) telah disediakan oleh beliau atas arahan perayu iaitu selepas perayu dituduh di mahkamah pada 20 Oktober 2011;

(b) perayu sengaja mengemukakan dokumen-dokumen eksh D71–D75 dan D77 serta D79–D81 yang mana tarikh tercatit di atasnya jelas

menunjukkan setelah kejadian berlaku semata-mata untuk menunjukkan bahawa beliau telah menggunakan sebanyak RM19,486.60 daripada RM100,000 yang dikeluarkan dari akaun semasa Sykt Innsoseal (M) Sdn Bhd untuk kepentingan syarikat berkenaan;

(c) selain itu perayu juga telah mengemukakan rekod pengeluaran RM100,000 melalui cek HSBC yang dipindahkan kepada akaun CIMB untuk tujuan pembayaran (eksh D83) yang SP8 akui disediakannya semata-mata untuk menunjukkan bahawa perayulah menggunakan RM100,000 untuk kepentingan Sykt Innoseal (M) Sdn Bhd;

(d) SP8 tidak tahu sama ada duit yang dibelanjakan perayu itu adalah sebenarnya untuk kepentingan Sykt Innoseal (M) Sdn Bhd berasaskan dokumen berkenaan semata-semata sahaja;

(e) SP8 juga mengesahkan bahawa beliau telah menyediakan atau membuat eksh D83 cuma bersandarkan kepada dokumen eksh D84 sahaja dan tidak lebih daripada itu; dan

(f) perayu ada mengemukakan surat akuan sumpah dibuat oleh Ravindran a/l Ratha Kerishnan bertarikh 16 November 2011 (eks D85) untuk menunjukkan bahawa perayu mendapat mandat daripada salah seorang Pengarah Syarikat Innsoseal (M) Sdn Bhd iaitu Ravindran a/l Ratha Krishnan ('SD2') pada 28 Julai 2008 untuk mengendalikan akaun syarikat tetapi malangnya keterangan SD2 itu menunjukkan bahawa beliau menyediakan eksh D85 atas permintaan perayu iaitu selepas perayu dituduh di mahkamah pada 20 Oktober 2011.

[61] Jadi mahkamah ini sekali lagi merumuskan bahawa berdasarkan kepada keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa pembelaan yang dikemukakan oleh perayu adalah sebenarnya 'afterthought' seperti yang diputuskan di dalam kes *Lee Kong Meng v Pendakwa Raya* [2012] 2 MLJ 51 di mana Mahkamah Rayuan memutuskan seperti berikut:

> On the trial judge's appraisal of the defence, we are of the view that the learned judge was also right in not accepting the defence story and in ruling that the second appellant had failed to raise a reasonable doubt in his favour. The presence of Ah Foo was clearly an after thought and improbable as it was not raised at the first possible instance and not put in cross-examination of this issue clearly calls for an assessment of credibility of the second accused which we, in exercise of our appellate jurisdiction, are not inclined to interfere.

[62] Hakikatnya semua pembelaan di atas khususnya perkara surat akuan sumpah oleh Ravindran a/l Ratha Krishnan (eksh D85) tidak langsung dan tidak pernah pun dibangkitkan semasa. Perayu menyoalbalas saksi

pendakwaan dan ini jelas membuktikan satu cerita rekaan baru untuk menyokong pembelaannya di saat-saat terakhir semasa kes pembelaan.

(g) Bagi alasan petisyen rayuan seperti mana di item (xviii) sahaja.

[63] Di sini perayu telah menimbulkan pembelaan bahawa beliau telah mendapatkan khidmat nasihat SP8 sebelum beliau mengeluarkan RM100,000 (eksh P67) dari akaun semasa HSBC Malaysia Bhd pada 28 Julai 2008.

[64] Dalam hal ini mahkamah dapati SP8 sendiri menafikan pernah memberi sebarang nasihat kepada perayu dan tidak mengetahui tentang isu pembekuan akaun Sykt Innsoseal (M) Sdn Bhd. Dalam keadaan demikian wajarlah dianggap pembelaan yang ditimbulkan oleh perayu semata-mata penafian sahaja ('bare denial') seperti mana diputuskan di dalam kes *Public Prosecutor v Ku Lip See* [1981] 1 MLJ 258 seperti berikut:

> The whole evidence as recorded by the learned president and his grounds of judgement were scrutinised in detail and in my view, on the evidence, the order of acquittal should be reversed. It was the findings of the learned president that:
>
> (a) PW2 was rape,
>
> (b) PW2'A evidence that she was rape corroborated by medical evidence
>
> Against the overhelming evidence as found by the learned president, the defence in its endeavour to create a reasonable doubt in the mind of the learned president offered an outright denial and nothing more. It was surprising to find the learned president entertaining what to him was reasonable doubt based entirely on the demeanour and denial of the respondent. It was difficult to accept that having made an emphatic that PW2 was raped, the learned president took round — about turn when in his grounds of judgment he said '... if at all PW2 was raped ...'
>
> There was nothing in the evidence of DW1 or DW2 to cause the learned president to doubt that PW2 was raped when his findings had been '... Dr. Low Soo Eng (PW4) who examined her testified that PW2's hymen was torn. In the absence of any evidence that PW2 had indulged in forceful masturbation or that she had a fall on her private part I accepted PW4's evidence that the torn hymen was caused by sexual intercourse ...'
>
> I found nothing in the evidence of the defence to justify the learned president to infer the probability of the hymen being in torn due to any forceful masturbation or caused otherwise than by sexual intercourse. Thus, the findings of the learned president '... if at all PW2 was raped ...' was founded on mere conjecture unsupported by any evidence. What he termed to be 'a real state of doubt' was in fact 'fanciful doubt'.

[65] Kegagalan perayu untuk memeriksa semula SP8 merupakan satu penerimaan kepada keterangan yang dibuat oleh beliau seperti mana dalam kes *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212. Jadi dirumuskan pembelaan perayu adalah penafian kosong. Semua dokumen-dokumen yang

dikemukakan oleh perayu juga merupakan 'bare denial' semata-mata seperti mana yang telah dianalisa secara terperinci dan teliti sebelum ini.

[66] Mahkamah juga amati dakwaan perayu kononnya tuan hakim mahkamah sesyen terkhilaf dalam menganalisa isu ini adalah meleset sama sekali kerana langsung tidak terdapat apa-apa di dalam alasan penghakimannya yang menyatakan bahawa keterangan perayu memerlukan 'corroboration'.

(h) Bagi alasan petisyen rayuan seperti mana di item (xix) sahaja:

[67] Perayu berhujah bahawa tuan hakim mahkamah sesyen telah gagal untuk mengikuti ujian dalam kes *Mat v Public Prosecutor* dan sekiranya beliau berbuat demikian akan pasti menyedari perayu telah mengemukakan keterangan yang mencukupi untuk mendapat kes ini dibuang.

[68] Mahkamah ini setelah mengkaji semula semua atau keseluruhan keterangan kes adalah berpuas hati bahawa tuan hakim mahkamah sesyen memang betul apabila memutuskan bahawa responden telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah seperti mana yang diperuntukkan di bawah s 173(m)(i) Kanun Tatacara Jenayah seperti berikut:

> At the conclusion of the trial, the court shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt.

[69] Apa yang dimaksudkan dengan pembuktian kes 'beyond reasonable doubt' telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301 pada ms 316 di mana dinyatakan ianya merangkumi dua aspek penting iaitu:

(a) 'legal burden' pihak pendakwaan untuk membuktikan kesnya hingga tiada keraguan munasabah; dan

(b) 'evidential burden' (bukan 'legal burden') tertuduh untuk menimbulkan keraguan munasabah.

[70] Apa yang dimaksudkan dengan pembuktian kes 'beyond reasonable doubt' telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Liew Kaling & Ors v Public Prosecutor* [1960] MLJ 306 di mana Thomson CJ telah merujuk kepada keputusan Denning J dalam kes *Miller v Minister of Pension* [1947] 2 All ER 373 seperti berikut:

> That degree is well settled. It need not reach certainty, but it must carry a high degree of probability. Proof beyond reasonable doubt does not mean proof beyond the shadow of doubt. The law would fail to protect the community if it admilted fanciful possibilities to deflect the course of justice. If the evidence is so strong against a man as to leave only a remote possibility in his favour which can be

dismissed with the sentence 'of course it is possible, but not in the least probable the case is proved beyond reasonable doubt but nothing of that will suffice.

[71] Oleh yang demikian sekiranya tertuduh atau saksi-saksinya ada memberi keterangan iaitu 'the accused's evidential burden to raise a reasonable doubt' maka mahkamah hendaklah menilai keterangan-keterangan tersebut samada ianya menimbulkan sebarang keraguan munasabah ke atas kebenaran kes prima facie pendakwaan yang telahpun dinilai secara maksima ('maximun evaluation') sebelum itu.

[72] Malangnya dalam kes di hadapan mahkamah ini seperti mana yang telah dianalisa secara terperinci sebelum ini didapati pembelaan perayu adalah penafian kosong ('bare denial') dan 'after thought' semata-mata dan dalam keadaan sedemikian maka wajarlah dirumuskan bahawa perayu gagal untuk menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pihak responden.

[73] Berhubung perkara yang sama Mahkamah Rayuan Singapore di dalam kes *Chou Kooi Pang & Anor v Public Prosecutor* [1998] 3 SLR 593 memutuskan bahawa sekiranya isu pembelaan tertuduh tidak dibangkitkan di peringkat awal perbicaraan lagi maka mahkamah mempunyai hak untuk tidak mempercayai tertuduh di peringkat kes pembelaan.

[74] Tepat dan jelas memang inilah yang ditekankan oleh tuan hakim mahkamah sesyen di dalam alasan penghakimannya di ms 40–43 rekod rayuan apabila memutuskan bahawa perayu gagal menimbulkan sebarang keraguan ke atas kes responden.

[75] Berikutnya dirujuk keputusan Mahkamah Agong dalam kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* 1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 yang dipetik seperti berikut:

> Berasaskan keputusan di dalam kes *Mat v PP* walaupun mahkamah tidak menerima keesahan cerita pembelaan, hakim yang arif perlu meneliti samada pembelaan dapat menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan. Yang penting bukanlah perkataan yang digunakan oleh hakim, tetapi pemakaian ujian tersebut pada fakta kes.

[76] Sekali lagi mahkamah ini nyatakan memang jelas tuan hakim mahkamah sesyen di dalam alasan penghakimannya telah menggunakan ujian di dalam kes *Mat v Public Prosecutor* apabila merungkaikan rumusannya bahawa sekadar meletakkan pembelaan penafian semata-mata dan 'after thought' tidak akan boleh menimbulkan keraguan munasabah ke atas kebenaran kes prima facie pihak responden.

(i) Bagi alasan petisyen rayuan seperti mana di item (xx) sahaja:

[77] Perayu berhujah tuan hakim mahkamah sesyen tidak pernah memberi alasan-alasan yang munasabah dalam keputusannya dan ini dikatakan 'non-speaking judgement'.

[78] Namun begitu mahkamah amati di dalam alasan penghakiman tuan hakim mahkamah sesyen telah dengan jelasnya memberi alasan-alasan terhadap keputusan beliau dengan menimbangkan keterangan-keterangan yang telah dikemukakan oleh perayu dan responden.

[79] Di dalam kes *Azizan bin Yahaya v Public Prosecutor* [2013] 1 MLJ 180; [2012] MLJU 656 Mahkamah Rayuan telah merujuk kepada kes *Balasingham v Public Prosecutor* [1959] 1 MLJ 193 seperti berikut:

> The trial court is under a statutory obligation under s 308 of the Criminal Procedure Code to transmit to the Appellate Court the grounds of decision which convey to my mind a reasoned judgment on the facts and the law not merely the conclusion arrived at the 'advantage of a speaking judgement needs no emphasis. In fact in *Murugiah v Public Prosecutor* and *Public Prosecutor v Low Toh Seng* both Home J and Terrell Ag CJ felt that the absence of reason indicates the weight of evidence and the possibilities of the case may not have influenced the mental process of the trial judge in arriving at the ultimate finding'.

[80] Dilihat kepada alasan penghakiman tuan hakim mahkamah sesyen di ms 40–43 dalam rekod rayuan memang jelas beliau telah memperincikan alasan beliau diperingkat pendakwaan dan begitu juga diakhir kes keseluruhannya. Dalam keadaan demikian maka mahkamah ini memutuskan alasan penghakiman tersebut adalah merupakan satu 'Speaking Judgement'.

KEPUTUSAN RAYUAN:

[81] Berdasarkan analisa ke atas keseluruhan keterangan dalam kes ini maka mahkamah amati alasan-alasan petisyen rayuan pihak perayu telahpun terjawab dan oleh itu keputusan tuan hakim mahkamah sesyen di dalam alasan penghakimannya di ms 40–43 dalam rekod rayuan adalah memadai, wajar dan padat serta tepat tanpa ada apa-apa kekhilafan di segi fakta atau undang-undang. Oleh itu mahkamah ini akur dengan keputusan tuan hakim mahkamah sesyen mensabitkan perayu dengan kesalahan di bawah s 132(1) Akta Syarikat 1965 dan di hukum dengan denda RM25,000 jika gagal bayar menghadapi satu tahun penjara di bawah s 132(3)(b) Akta yang sama.

[82] Jadi dengan itu maka mahkamah ini menolak rayuan perayu terhadap perintah sabitan di bawah s 132(1) Akta Syarikat 1965 dan hukumannya di bawah s 132(3)(b) Akta yang sama.

Rayuan perayu terhadap perintah sabitan dan hukumannya ditolak.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed

A

B

C

D

E

F

G

H

I